

0000019135

**KAJIAN KEBERKESANAN IQRA' SEBAGAI KAEDAH  
PEMBELAJARAN MEMBACA AL-QURAN DI  
SEMENANJUNG MALAYSIA  
(UPU(1)/H/2001)**

**LAPORAN AKHIR**

Perpustakaan KUIIM



1000012844

**KETUA PENYELIDIK:  
MOHD ALWI BIN YUSOFF  
(S048)**

**PENYELIDIK:  
DR. ADEL M. ABDULAZIZ  
(S067)**

**AHMAD KAMEL BIN MOHAMED  
(S062)**

**TEMPOH PENYELIDIKAN: OKTOBER 2001-DISEMBER 2002**

Perpustakaan  
Kolej Universiti Islam Malaysia

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**

GIFT / DONATION SUMBANGAN IKHLAS WITH BEST COMPLIMENTS	
FROM	Pusat perancangan Penyelidikan & Pengajaran.
DATE	05.10.2002
ACC. NO	0000-19135

## PRAKATA

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad dan para sahabat.

Kami berasa bersyukur kerana dapat menyiapkan kajian ilmiah ini. Kajian ini dibuat untuk menyingkap beberapa perkara tersembunyi tentang salah satu kaedah pengajaran bacaan al-Quran al-Karim di Malaysia dan di dunia Islam iaitu kaedah Iqra' dan memberikan maklumat secukupnya mengenai kaedah ini serta mengemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk dimanfaatkan dalam melaksanakannya di sekolah-sekolah atau di tempat-tempat pengajian lain.

Dapatan kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia disamping usaha yang sedikit ini dapat membantu membangunkan lagi kaedah yang sedia ada ini.

Kami ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi kebenaran. Begitu juga Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Pahang, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor. Juga tidak lupa kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini di atas kerjasama yang diberi.

Terima kasih kepada Kolej Universiti Islam Malaysia yang telah memberi kesempatan, peluang dan pembiayaan juga kepada setiap individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa kepada semua rakan kumpulan penyelidik yang turut menyumbang sehingga penyelidikan ini sempurna.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan kaedah Iqra' sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran di sekolah-sekolah di Malaysia. Kajian ini dilakukan ke atas 27 buah sekolah di beberapa buah negeri di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan 6 buah sekolah agama swasta. Walaupun kaedah ini telah berjalan selama lebih 10 tahun di Malaysia dan sebahagian negara Asia Timur akan tetapi sehingga sekarang belum ada lagi kajian tentang keberkesanan kaedah ini terutama pelaksanaannya di sekolah-sekolah kebangsaan di Malaysia. Sepanjang pengamatan melalui kajian lapangan yang dilakukan di sekolah-sekolah yang dilawati dan melalui temuramah-temuramah dan soal selidik yang diadakan dengan pihak-pihak yang terbabit seperti penyelia, guru, pakar dan murid, telah menghasilkan beberapa keputusan. Kaedah ini pada umumnya memberi kesan baik terhadap pencapaian pengajaran al-Quran di sekolah-sekolah kebangsaan. Ia tidak ada kecacatan yang memberi kesan buruk terhadap pembacaan murid akan tetapi terdapat beberapa perkara yang mana sekiranya dapat diatasi, nescaya akan lebih meningkatkan lagi kebaikannya dari 85 % ke 95%. Kaedah ini dikhususkan pembelajarannya pada bilangan murid di antara 10-15 orang murid sahaja atau paling maksimum 20 orang murid tetapi yang berlaku di sekolah-sekolah didapati murid melebihi bilangan yang sepatutnya sehingga 25-40 murid. Masalah ini diatasi dengan membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan yang dipimpin oleh seorang murid yang pandai di bawah pengawasan guru. Buku asal kaedah Iqra' adalah satu jilid yang dicetak di Indonesia yang digunakan juga di beberapa buah sekolah di Malaysia, tidak menggunakan Rasm Uthmani. Masalah ini diatasi dengan cetakan baru di Malaysia yang sepenuhnya menggunakan Rasm Uthman. Secara umumnya kaedah ini memang berkesan dan dapat mencapai objektif yang ditetapkan sekiranya mengikut arahan dan sukatan sebagaimana yang dikehendaki oleh kaedah ini.

## DAFTAR KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
Prakata	i
Abstrak	ii
Daftar Kandungan	iii

### BAB 1

#### PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN	1
1.1 PERMASALAHAN KAJIAN	4
1.2 HIPOTESIS KAJIAN	7
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	9
1.4 METODOLOGI KAJIAN	10
1.5 KEPENTINGAN	12
1.6 SKOP KAJIAN	13
1.7 PERSOALAN KAJIAN	13
1.8 INSTRUMEN KAJIAN	14

### BAB 2

#### PENGAJARAN PEMBACAAN AL-QURAN DAN KELEBIHAN MEMPELAJARINYA

2.0 PERKEMBANGAN PENGAJARAN AL-QURAN	16
2.1 KELEBIHAN BELAJAR DAN MENGAJAR AL-QURAN	17
2.2 ASAS-ASAS PENGAJARAN AL-QURAN YANG BAIK	30
2.3 CARA MEMBACA AL-QURAN	30
2.4 KAEDAH PENGAJARAN AL-QURAN	33
2.5 PERSEDIAAN GURU	34
2.6 PEMILIHAN KAEDAH	36
2.7 LANGKAH-LANGKAH PENGAJARAN AL-QURAN	37

### **BAB 3**

#### **PENGAJARAN AL-QURAN DI MALAYSIA**

3.0 PEMBELAJARAN DI PERINGKAT RENDAH	39
3.1 PENGAJARAN AL-QURAN DAHULU DAN SEKARANG: SUATU PERBANDINGAN	41
3.2 KAEDAH-KAEDAH YANG DI GUNAKAN DALAM PENGAJARAN PEMBACAAN AL-QURAN DI MALAYSIA	43

### **BAB 4**

#### **KAJIAN ANALISA DAN PENILAIAN KAEDAH IQRA'**

4.0 PENGENALAN KAEDAH IQRA'	51
4.1 PERKEMBANGAN DAN PENYEBARAN KAEDAH IQRA'	52
4.2 CIRI-CIRI DAN SIFAT KAEDAH IQRA'	55
4.3 PRINSIP-PRINSIP KAEDAH IQRA'	59
4.4 PERBAHASAN UTAMA/TAJUK PELAJARAN BUKU IQRA'	59
4.5 PERBANDINGAN DI ANTARA KAEDAH IQRA DAN AL-BAGHDADI 62	
4.6 PERANAN AKHBAR DALAM MENGENENGAHKAN KAEDAH IQRA' KEPADA MASYARAKAT	73
4.7 PANDANGAN PAKAR-PAKAR DALAM PENGAJARAN AL-QURAN	74
4.8 KELEMAHAN PELAKSANAAN KAEDAH IQRA'	75

### **BAB 5**

#### **ANALISA KAEDAH IQRA' HASIL DARI SOAL SELIDIK (BAHAGIAN GURU)**

5.0 LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN KAJIAN	78
5.1 KRONOLOGI PENYELIDIKAN	79
5.2 SAMPEL	80
5.3 BORANG SOAL SELIDIK	82
5.4 BILANGAN MURID DI DALAM KELAS	82

5.5 LEMBARAN KERJA	83
5.6 METODE PENGAJARAN	84
5.7 KELAYAKAN GURU	84
5.8 PENYAMPAIAN GURU	84
5.9 ALAT BANTU MENGAJAR	85
5.10 MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH GURU DAN PENYELESAIAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH MEREKA.	87
5.11 PROGRAM DAN LANGKAH YANG DILAKUKAN OLEH GURU -GURU DI SESETENGAH NEGERI UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH PELAJAR YANG LEMAH	87
5.12 PENILAIAN KAEDAH IQRA'	103
5.13 HUBUNGAN GURU DENGAN KELUARGA	105
5.14 GURU DAN PENYELIAAN	105
5.15 CADANGAN-CADANGAN PENYELIA UNTUK MEMPERBAIKI KAEDAH PENGAJIAN IQRA' DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH	106

## **BAB 6**

### **ANALISA DAPATAN-DAPATAN DARI SOAL SELIDIK**

6.0 ANALISA DAPATAN SOAL SELIDIK UNTUK GURU	107
6.1 ANALISA DAPATAN SOAL SELIDIK UNTUK MURID	114
6.2 RUMUSAN DAN CADANGAN	119
6.3 KESIMPULAN	120
6.4 PENUTUP	122
RUJUKAN	125
LAMPIRAN 1	128
LAMPIRAN 2	129
LAMPIRAN 3	130
LAMPIRAN 4	131
LAMPIRAN 5	132
LAMPIRAN 6	133

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Al-Quran kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. adalah satu-satunya kitab yang mendapat jaminan pemeliharaan dari Allah Taala sebagaimana firmanNya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Al-Quran. al-Hijr 13:9

Ertinya:

*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya*

Rangkaian wahyu Ilahi ini diturunkan secara beransur-ansur dalam masa 22 tahun 2 bulan dan 22 hari, tersusun dalam 114 surah di mulai dengan surah al-Fatihah dan di akhiri dengan surah al-Nas yang disusun oleh Rasulullah s.a.w. secara tauqifi. Sehingga ke hari ini umat Islam seluruh dunia yang terdiri dari berbagai bangsa dan golongan hanya memiliki satu al-Quran sahaja.

Tiap-tiap perkataan dan huruf al-Quran yang kita miliki sekarang ini adalah perkataan dan huruf yang dibacakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang kepadanya kitab al-Quran diturunkan. Perkara yang amat penting membantu terpeliharanya teks al-Quran ialah tiap-tiap ayat ditulis oleh para sahabat semasa hayat baginda lagi. Teks tersebut ditulis atas petunjuk nabi sendiri dan ayat-ayat al-Quran itu dihafal oleh sebahagian besar para sahabat nabi pada waktu diturunkan.

Setelah Rasulullah s.a.w. wafat, semua tulisan/catatan yang berada di tangan para sahabat, dikumpulkan oleh khalifah yang pertama iaitu Saidina Abu Bakar. Keperluan untuk mengumpulkan al-Quran dalam satu mashaf dirasakan ketika Abu Bakar menggempur tentera Musailamah al-Kazzab yang mengaku nabi, di mana dalam peperangan tersebut ramai di kalangan penghafal-penghafal al-Quran gugur di medan perang. Umar Ibnu Khatab telah menggesa Abu Bakar supaya segera mengumpulkan al-Quran dalam satu mashaf. Abu Bakar memerintahkan Zaid bin Thabit dengan dibantu oleh beberapa orang sahabat penghafal al-Quran yang lain. Hal ini dilakukan enam bulan setelah kewafatan Rasulullah. Sementara ingatan para sahabat yang mendengar langsung dari mulut Rasulullah sendiri masih kekal, segala kekeliruan yang berhubung dengan teks al-Quran segera diatasi.

Setelah Saidina Abu Bakar wafat, mashaf al-Quran yang telah dikumpulkan itu berpindah ke tangan penggantinya iaitu Saidina Omar Ibnu Khatab. Apabila Umar meninggal dunia, Mashaf tersebut dijaga dalam simpanan putri beliau Siti Habsah binti Umar yang juga isteri Rasulullah s.a.w.

Pada masa Khalifah Othman bin Affan, kekuasaan Islam sudah sampai ke wilayah Iran, Iraq, Azrabaijan, Armenia dan sekitarnya, pada waktu itu seorang sahabat yang bernama Huzaiifah dalam satu peperangan di Syria, mendengar banyaknya jenis bacaan al-Quran. Beliau kemudian mengadu kepada Khalifah Othman bin Affan, maka Khalifah Othman mengambil kembali mashaf tersebut daripada Siti Hafsah dan memerintahkan Zaid bin Thabit serta beberapa orang sahabat lain membuat beberapa naskah rasmi dan memerintahkan supaya membakar naskah yang tidak rasmi untuk menghentikan perbezaan bacaan.

Naskah rasmi itu dikenali sebagai Mashaf Othmani, yang dibuat tujuh buah dan disebar di seluruh wilayah Islam. Mashaf itu ditulis dalam tulisan NASKHI, tanpa titik dan baris tidak sama seperti yang kita ada sekarang. Mashaf Uthmani juga dikenali sebagai Mashaf al-Imam.

Terdapat perbezaan mengenai cara pembacaan al-Quran disebabkan oleh *lahjah* orang-orang arab dan juga disebabkan oleh penulisan al-Quran itu sendiri yang ditulis oleh para sahabat belum dapat dikatakan tulisan yang baik sebagaimana yang disebut oleh Ibnu Khaldun dalam kitab Muqaddimah. Namun para tabiin tetap menyalin tulisan al-Quran seperti yang ditulis dalam mashaf Othmani untuk mengambil berkat kerana tulisan itu daripada para sahabat yang menerima secara langsung daripada Nabi.

Mashaf al-Imam yang ditulis tanpa baris dan titik telah menjadi masalah bagi orang Arab dalam mempelajari bacaan al-Quran kerana mereka hidup dalam lingkungan orang yang fasih dan menguasai selok-belok bahasa Arab. Maka dengan ketiadaan titik dan baris telah menimbulkan masalah yang menyebabkan terjadi banyak kesalahan dalam membaca al-Quran.

Zaid bin Sumaiyah yang ketika itu menjadi Gabenor di Basrah bimbang dengan keadaan sedemikian kerana kesalahan membaca al-Quran semakin meluas. Maka Zaid telah memerintahkan kepada Abu Aswad Ad-Du'ali seorang ahli nahu supaya mencipta satu cara untuk mencegah bahasa Arab dari kerosakan. Abu Aswad kemudian telah memanggil penulis untuk memberi tanda baris dan titik di atas untuk suara 'a' (fathah), titik di bawah untuk suara 'i' (kasrah) dan titik di tengah untuk suara 'u' (dhommah) .

Pada zaman Khalifah Abdul Malik bin Marwan (685-705M), al-Quran tetap ditulis tanpa titik untuk membezakan huruf-huruf, keadaan yang demikian telah mendorong Gabenor Iraq yang bernama Al-Hajjaj untuk memberi tanda baca yang dapat mencegah masalah ini dengan memerintahkan dua orang yang bernama Nashr bin Ashim Al-Laitsi dan Yahya bin Ya'mar Al-Adnani, pada mulanya mereka berdua telah menolak kerana bimbang dikatakan bid'ah, tetapi akhirnya mereka bersedia melakukannya. Daripada mereka inilah kita sekarang dapat membezakan huruf-huruf yang sama tetapi mempunyai baris yang berlainan. Kemudian usaha itu diteruskan lagi oleh sarjana matematik dari universiti Castilia yang bernama Al-Khalil. Beliau mengambil inisiatif untuk membuat tanda-tanda yang baru. Akhirnya setelah banyak mengalami perubahan dan ubah suai, maka terhasillah al-Quran sebagaimana yang ada pada kita sekarang.

## **1.1 PERMASALAHAN KAJIAN**

Sejak Islam masuk ke Tanah Melayu masyarakat Melayu mula menambahkan pengetahuan dengan mendalami ilmu-ilmu Islam secara beramai-ramai atau bersendirian untuk memahami urusan agama mereka yang suci.

Memandangkan al-Quran al-Karim merupakan Kalam Allah Taala yang terbina di atas kebenaran dan sebagai sumber utama syariat Islam, maka masyarakat Melayu bersungguh-sungguh belajar dan mengajar al-Quran al-Karim seiring dengan sabda Rasulullah s.a.w :

عن أبي سعيد الخدري رضي الله عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم " يقول الرب تبارك وتعالى من شغله القرآن عن مسألتي أعطيته أفضل ما أعطي السائلين ، وفضل كلام الله تعالى على سائر الكلام كفضل الله على خلقه "

Yang bermaksud:

*Daripada Abu Said al-Khudri ra dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, Allah Taala berkata, "sesiapa yang disibukkan dirinya dengan al-Quran dari berdoa kepadaku, maka Aku akan berikan kepadanya sebaik-baik perkara yang aku berikan kepada orang yang meminta kepadaKu, kelebihan Kalam Allah Taala di atas segala kalam (percakapan) sama seperti kelebihan zat Allah di atas segala makhluknya". (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan al-Darimi)*

Dan sabda Rasulullah s.a.w :

خيركم من تعلم القرآن وعلمه

Maksudnya:

*"Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya". (diriwayatkan oleh Bukhari)*

Ulama-ulama telah menggunakan pelbagai cara dalam mengajar tilawah al-Quran al-Karim kepada masyarakat Melayu. Sebahagiannya telah masuk ke negara ini melalui orang-orang melayu yang mengerjakan haji atau melalui ulama-ulama dan pedagang-pedagang arab yang berhijrah atau melalui ulama-ulama melayu yang belajar di negara-negara arab seperti Mesir dan Saudi.

Perlu dinyatakan di sini bahawa peranan ulama-ulama Melayu tidak terhenti pada tahap mengikut dan melaksanakan cara-cara yang diimport itu tadi, bahkan peranan mereka lebih dari itu iaitu dengan mencipta dan mengembangkan kaedah tersebut. Pondok-pondok pengajian yang menjadi tempat pengeluar ulama dan pendakwah memberi saham terbesar dalam hal ini.

Antara kaedah yang termasyhur di Malaysia sebagai cara pengajaran tilawah al-Quran ialah kaedah Baghdadi (cara mengeja). Asas utama kaedah ini amat bergantung kepada peranan guru dalam mengajar. Melalui kaedah ini para pelajar akan melalui 3 peringkat dalam pengajian al-Qurannya :

- a) Peringkat mengenal huruf.
- b) Peringkat mengenal baris.
- c) Peringkat mengenal bunyi yakni membunyikan baris.

Walaupun pada masa sekarang kaedah-kaedah lain bagi pengajaran al-Quran banyak muncul di Malaysia tetapi masih banyak sekolah-sekolah dan masjid-masjid yang masih mengikuti kaedah Baghdadi ini atas sebab-sebab yang mungkin hanya diketahui oleh pendokongnya. Jadi kajian ini cuba mengetahui sebab-sebab tersebut dengan cara menziarahi sekolah-sekolah dan masjid-masjid tersebut dan mengenal pasti dari dekat sebab-sebab kekalnya kaedah ini walaupun di sana adanya kaedah-kaedah lain yang terbaru dan canggih. Untuk mengetahui rahsia tersembunyi ini bukannya mudah seperti yang disangka. Perkara ini memerlukan kepada kesabaran dan penelitian yang mendalam menerusi kajian dan analisa.

Saingan utama kepada kaedah Baghdadi dalam pengajaran al-Quran sekarang ialah kaedah **IQRA'** yang telah tersebar luas di negara-negara Asia Timur atas sebab-sebab yang cuba diketahui dan disingkap menerusi kajian ini. Sejak kaedah ini diperkenalkan oleh pengasasnya al-Marhum As'ad Humam pada tahun 1988 di Indonesia, ianya telah mendapat sambutan hangat di kepulauan Melayu dan tersebar di negara-negara yang berdekatan termasuklah negara Malaysia pada tahun 1992.

Selepas tempoh percubaan pertama selama 6 bulan di beberapa buah sekolah , kaedah ini telah diajar di semua sekolah rendah di seluruh negara.

Kaedah baru ini, bertujuan untuk mengajar membaca al-Quran al-Karim dalam tempoh singkat yang dikatakan tidak lebih dari 6 bulan. Dari segi teorinya kita melihat ia memang tempoh yang singkat berbanding tempoh yang dilalui oleh para pelajar melalui kaedah-kaedah lain. Persoalan yang timbul di sini adakah para pelajar mampu membaca al-Quran dalam tempoh yang ditentukan itu dan adakah kaedah ini berjaya mencapai objektifnya ?

Masih banyak persoalan lain sekitar kaedah ini, antaranya adakah ia memang kaedah yang dicipta yakni kaedah baru atau ia merupakan lanjutan perkembangan dari kaedah traditional iaitu kaedah Baghdadi (cara mengeja) ataupun kaedah-kaedah pengajaran al-Quran yang lain yang belum diketahui. Juga sejauh mana keberkesanan kaedah ini dalam proses pengajaran membaca al-Quran di kalangan masyarakat Melayu?

## **1.2 HIPOTESIS KAJIAN**

Selari dengan perkembangan kemajuan negara, dan perkembangan pendidikan secara umumnya, proses pengajaran pembacaan al-Quran turut sama bergerak maju ke hadapan di dalam masyarakat Malaysia, dan di sekolah-sekolah kerajaan khususnya. Ia dikira satu proses pengajaran yang paling penting dalam sistem pendidikan negara yang di satukan di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini kerana kaitannya yang rapat dengan akidah majoriti rakyatnya yang

beragama Islam dan yang paling pentingnya kerana al-Quran adalah sumber utama syariah Islam.

Justeru itu, pihak Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia telah mengambil langkah proaktif dan inisiatif dalam memikir perkara ini dan cuba melakukan penilaian terhadap keberkesanan proses pengajaran membaca al-Quran mengikut kaedah Iqra' di sekolah-sekolah rendah kerajaan.

Di akhir tahun 80 an dan awal tahun 90 an. pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri telah melakukan beberapa inisiatif yang berterusan dalam usaha membangunkan pendidikan Islam dengan memperbaiki dan mempertingkatkan mutu kurikulum.

Kerajaan Malaysia telah memberi khidmat pendidikan asas secara percuma. Bantuan kerajaan untuk sektor pendidikan mencapai 20.4 % setahun dari belanjawan negara secara keseluruhan dan bertambah nisbah perbelanjaan umum dalam pendidikan dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 2.9 % pada tahun 1960 kepada 5.3 % pada tahun 1995.

Pelaburan yang besar dalam sektor pendidikan ini telah membuahkan hasil yang besar juga iaitu bilangan yang tahu membaca dan menulis mencecah 93.8 % dari jumlah keseluruhan penduduk pada tahun 2000 berbanding pada tahun 1970. Ini bermakna bahawa majoriti penduduk Islam Malaysia mampu membaca al-Quran dan ia dianggap satu nisbah yang tertinggi di dunia amnya dan di dunia Islam khususnya. Berdasarkan statistik, seramai 99 % kanak-kanak yang berumur 10 tahun telah didaftarkan di sekolah-sekolah. Hasil dari sokongan dan kemudahan yang besar yang diberikan oleh kerajaan, maka kewajipan pendidikan anak-anak telah

menjadi perkara yang lazim. Undang-undang Malaysia pada hari ini menghukum ibu bapa yang tidak menghantar anak ke sekolah.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mempunyai beberapa objektif tertentu, antaranya :

1.3.1 Menyingkap beberapa perkara tersembunyi tentang salah satu kaedah pengajaran bacaan al-Quran al-Karim di Malaysia dan di dunia Islam.

1.3.2 Memberikan maklumat secukupnya mengenai kaedah ini dan mempersembahkan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk diambil faedah darinya dalam melaksanakan kaedah ini di sekolah-sekolah atau di tempat-tempat pengajian lain.

1.3.3 Mengetahui sejauh mana pelaksanaan kaedah ini di sekolah-sekolah kebansaan di Malaysia, di samping mengetahui sejauh mana komitmen guru-guru dalam melaksanakan kaedah ini dan faktor-faktor kesukaran yang dihadapi ketika mengajar.

1.3.4 Hasil daripada kajian ini mampu untuk mengenal pasti realiti yang berlaku dalam proses pembelajaran tersebut dan dapat membangunkannya dari aspek kualiti dan kuantiti.

### **1.4 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berupa kajian lapangan. Beberapa siri kajian induktif, perbandingan, interview dan tinjauan dijalankan, kemudian maklumat yang diperolehi dianalisa.

Untuk mencapai matlamat ini kami telah merangka soalan-soalan yang diberi kepada guru-guru, para pelajar dan pihak-pihak yang berkenaan. Begitu juga kami mendapatkan maklumat daripada pihak yang berpengalaman mengenai kaedah pengajaran bacaan al-Quran al-Karim di Malaysia. Langkah-langkah pelaksanaan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1.4.1 Membuat permohonan rasmi melalui Fakulti Pengajian Quran & Sunnah kepada pihak-pihak yang berkaitan dengan pengurusan penyelidikan di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendapatkan kelulusan dan memberi bantuan yang diperlukan juga menyalurkan maklumat-maklumat bagi menjayakan kajian ini. Temuramah dan perbincangan turut diadakan dengan pihak yang bertanggung jawab di Kementerian Pendidikan yang mempunyai kaitan dengan kaedah Iqra' dengan mendapatkan gambaran awal mengenai taburan sekolah-sekolah sebagai permulaan untuk memilih sampel. Maklumat-maklumat yang diperlukan ini belum diperolehi sepenuhnya pada peringkat permulaan, bahkan beberapa cara seperti perhubungan melalui telefon dengan pihak-pihak yang berkaitan telah diadakan dalam usaha mengumpulkan maklumat berkenaan.

1.4.2 Mengkaji terlebih dahulu maklumat-maklumat dan statistik yang diperolehi dari pihak berkenaan sebagai permulaan untuk memilih sampel.

1.4.3 Membuat persiapan dan perancangan untuk lawatan ke tempat sampel yang dipilih berdasarkan taburan sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia dengan mengambil kira masa yang digunakan dan jarak tempat-tempat lawatan dari

Kuala Lumpur, berdasarkan kepada rancangan kumpulan penyelidik akan melawat lebih kurang tiga hingga enam buah sekolah sehari.

1.4.4 Tempoh yang digunakan dalam melakukan pengumpulan maklumat ini di antara bulan Februari 2002 hingga Mei 2002 dengan mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah yang dipilih dan dicadangkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri yang banyak menghulurkan bantuan dalam memudahkan kumpulan penyelidik menjalankan kajian lapangan di sekolah-sekolah seperti menyediakan pengangkutan dan beberapa kemudahan lain.

1.4.5 Pengasingan maklumat yang diperolehi melalui soalan kaji selidik dalam bentuk statistik dan nombor dan soalan-soalan dalam bentuk jawapan ya atau tidak dilakukan dengan menggunakan komputer. Manakala soalan melalui temuramah yang dirakamkan diasingkan secara manual. Begitu juga bahan-bahan yang berkait dengan metode pengajaran, program-program yang dijalankan dalam pengajaran serta bahan-bahan yang menjadi sampel soalan-soalan latihan yang digunakan oleh guru yang diperolehi dari sekolah-sekolah juga dilakukan pengasingan secara manual.

1.4.6 Analisis statistik dilakukan dalam kajian ini yang memerlukan kepada penilaian dan pengamatan dengan menggunakan cara nisbah peratusan yang terhasil selepas pengasingan maklumat.

Langkah-langkah yang dilakukan dalam menyiapkan penyelidikan:

- 1) Membuat alat kajian untuk mendapatkan maklumat berupa borang kaji selidik yang mengandungi beberapa soalan yang berkaitan dengan tajuk kajian.

- 2) Melaksanakan kajian dengan mengedarkan sebanyak 100 set borang kaji selidik untuk guru dan 197 untuk murid. Pengedaran borang dilakukan samada melalui lawatan atau melalui pos.
- 3) Menganalisa data yang diperolehi.
- 4) Menulis laporan kajian.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Pengajaran membaca al-Quran dengan kaedah Iqra' telah berjalan hampir 10 tahun di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan sebahagian sekolah swasta di Malaysia. Walaupun begitu belum ada lagi satu kajian yang menyeluruh terhadap keberkesanan kaedah ini. Oleh yang demikian dirasakan amat perlunya dilakukan kajian dan penilaian terhadap pengajaran membaca al-Quran mengikut kaedah ini.

Kajian penilaian kaedah ini yang dianggap sebagai satu kajian yang pertama diharap dapat memberi satu sumbangan dan membuahkan hasil yang positif dalam meningkatkan lagi keberkesanan dan dapat menutup kelemahan sekiranya ada.

Hasil kajian diharapkan dapat memberi gambaran sebenar tahap pelaksanaan pengajaran al-Quran melalui kaedah Iqra' di sekolah-sekolah. Dapatan kajian juga diharap dapat memberi garis panduan kepada pihak Kementerian Pendidikan dan individu bagi merancang langkah-langkah yang perlu untuk membantu mempertingkatkan pencapaian keupayaan membaca al-Quran di kalangan murid-murid.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini menumpukan kepada pelaksanaan kaedah IQRA' di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta. Penumpuan lokasi kajian adalah di sekitar Lembah Kelang, Pulau Pinang, Perak, Kedah, Kelantan, Pahang dan Johor yang merangkumi kawasan Timur, Utara dan Selatan.

Responden yang dipilih secara rawak terdiri daripada penyelia Jabatan Pendidikan Negeri, guru-guru dan murid-murid sekolah-sekolah kerajaan dan swasta. Disamping itu juga diadakan temuramah dengan orang-orang yang pernah terlibat dalam pengajaran al-Quran khususnya kaedah Iqra'.

## 1.7 PERSOALAN KAJIAN

Oleh kerana kajian ini adalah untuk memastikan tahap kejayaan dan keberkesanan kaedah Iqra' dengan melihat kepada pandangan-pandangan dari guru, penyelia dan murid, maka dipelbagaikan soalan-soalan kaji selidik yang meliputi semua pihak dengan memelihara tahap akademik ketiga-tiga pihak samada soalan dalam bentuk lisan atau bertulis.

Soalan-soalan secara asasnya memfokuskan kepada mengetahui keberkesanan, tindak balas terhadap kaedah dan masalah-masalah yang dihadapi serta cara-cara untuk menyelesaikannya juga bagaimana memperbaiki dan membangunkan kaedah ini.

## 1.8 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan beberapa bahan seperti borang biodata diri, borang kaji selidik dan temuramah dengan melakukan lawatan ke tempat-tempat berkenaan.

Berikut ini paparan metode yang digunakan:

### 1.8.1 Borang kaji selidik

**A) Borang untuk guru.** (lampiran 1) Ia mengandungi soalan-soalan secara khusus kepada guru-guru yang mengajar al-Quran menggunakan kaedah Iqra' yang merangkumi keterangan-keterangan berkaitan dengan kelayakan guru, cara pengajaran mereka, latihan yang pernah diikuti dan masalah-masalah yang dihadapi sewaktu mengajar. Begitu juga diambil pandangan dan pendapat mereka mengenai kaedah ini dan kesesuaiannya bagi tahap murid serta bagaimana mereka menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

**B) Borang untuk murid.** (lampiran 2) Ia mengandungi soalan-soalan yang berkait dengan tahap ekonomi dan akademik keluarga serta sejauh mana bantuan keluarga di rumah dalam membantu mereka belajar al-Quran. Merangkumi juga pandangan mereka tentang kaedah ini dan sebab-sebab mereka memilih sekolah tempat mereka belajar serta tahap pencapaian mereka melalui pembelajaran al-Quran menggunakan kaedah Iqra'. Borang ini juga memfokuskan kepada mengetahui aspek-aspek yang susah di dalam kaedah ini yang dibahagikan kepada enam dan mengenal pasti sebab-sebabnya. Kebanyakan soalan dalam borang yang dibina ini

adalah dalam bentuk jawapan (ya) dan (tidak) disamping jawapan dalam bentuk minta penjelasan dan pandangan

### **1.8.2 Pemantauan dan temuramah**

Pemantauan guru di kelas dengan melakukan rakaman video yang merangkumi beberapa pemerhatian yang digunakan ketika menyaksikan suasana kegiatan pembelajaran di dalam bilik darjah dan tindak balas antara guru dan murid. Ini untuk melihat sejauh mana kegiatan pembelajaran ini berjalan di dalam bilik darjah dan tindak balas murid terhadap kaedah ini.

Kajian juga mengadakan temuramah dengan guru, penyelia dan mereka yang pernah terlibat dalam pengajaran al-Quran. Ia mengandungi soalan-soalan yang ada kaitan dengan tabiat kerja penyelia dalam lawatan penyeliaan ke sekolah-sekolah dan membuat pemerhatian kepada guru semasa mereka mengajar terutamanya ketika mengajar al-Quran mengikut kaedah Iqra'.

## BAB 2

### PENGAJARAN PEMBACAAN AL-QURAN DAN KELEBIHAN

#### MEMPELAJARINYA

#### 2.0 PERKEMBANGAN PENGAJARAN AL-QURAN

Imam Muslim telah meriwayatkan hadith daripada Anas bin Malik yang menyebut bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda kepada Ubay:

ان الله يأمرني أن أقرأ عليك القرآن

Maksudnya:

*Sungguhnya Allah menyuruh aku mengajarkan Quran kepada engkau. Mendengar itu Ubay (dalam kehairanan) menjawab:*

الله سمانى لك

Maksudnya:

*Allah memilihku dengan menyebut namaku di sisi engkau, wahai Rasulullah ! Jawab Rasulullah:*

الله سماك لى

Maksudnya:

*Ya, Allah menyebutkan nama engkau kepada aku.*

Mendengar jawapan Nabi itu, Ubay pun menangis.

Ya, sesungguhnya Allah menyuruh Rasulullah s.a.w. mengajarkan Ubay hukum tajwid iaitu tentang makhraj-makharj huruf, sifat dan hukum-hukum bacaan yang mutawatir seperti yang diterima oleh nabi (s.a.w.) daripada Jibril. Menurut sejarah, sesudah peristiwa itu Ubay giat menghafal al-Quran sehingga ia mencapai kedudukan sebagai pakar dalam jurusan ini, yang merupakan suatu kemuncak kebolehan yang besar, kerana itu, Rasulullah sendiri pernah bersabda:

## اقرأكم أبي

Maksudnya:

*Yang paling baik membaca al-Quran di kalangan kamu ialah Ubay.*

Menurut Syeikh Muhammad al-Husaini, sifat-sifat bacaan al-Quran ini adalah diterima oleh orang-orang yang kemudian, iaitu golongan salaf (generasi yang terdahulu), kemudian diterima oleh golongan khalaf (generasi yang kebelakangan) malah bentuk bacaan Ubay ini telah diterima oleh ramai para sahabat dan tabiin (generasi yang mengikuti sahabat): di antara para sahabat ialah Abu Hurairah, Ibnu Abbas, Abdullah bin al-saaib.

### 2.1 KELEBIHAN BELAJAR DAN MENGAJAR AL-QURAN

Tugas mengajar al-Quran dan menerangkannya kepada manusia adalah satu tugas yang sangat mulia dan satu ibadah yang mendekatkan diri kepada Allah. Guru dan murid memperolehi ganjaran yang besar di dunia dan akhirat. Hadith diriwayatkan oleh Ibn Majah (Albani-Sahih Sunan Ibn Majah:j.1,.42) dari Mas'ab bin Sa'ad dari bapanya berkata, Rasulullah bersabda s.a.w.:

خيركم من تعلم القرآن وعلمه

Yang bermaksud:

*Sebaik-baik kamu ialah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya. (diriwayatkan oleh Bukhari)*

Lalu baginda mengambil tangan ku dan menyuruh aku duduk di tempat baginda dan berkata; bacakanlah (iaitu al-Quran).

Imam Nawawi berkata: Mengajar orang yang belajar iaitu al-Quran adalah fardhu kifayah. Sekiranya tidak ada dalam satu masyarakat orang yang mengajar al-

Quran maka hendaklah ditugaskan seorang daripada mereka. Dan sekiranya ada yang boleh mengajar al-Quran tapi ia enggan maka berdosa ke atasnya. Sekiranya ada sebahagian yang melakukan tugas ini maka gugurlah dosa dari orang lain.(Al-Nawawi:41-42)

Imam al-Haramain menganggap orang yang melakukan kerja fardhu kifayah ini lebih istimewa dari fardhu ain kerana ia menggugurkan dosa dari orang lain. (Ibrahim al-Sharbini:12)

Ulama' ada menyebut di dalam kitab-kitab karangan mereka kelebihan mengajar al-Quran. Kata Qurtubi:

*Mengajar al-Quran itu sebaik-baik kerja kerana dengan mengajar al-Quran seseorang itu telah menolong agamanya seperti orang yang mengajar orang kafir kalimah shahadah untuk memeluk Islam.*

Kata Imam al-Suyuti: (Al-Suyuti:j.1,279) Ketahuilah bahawa menghafal al-Quran itu fardhu kifayah ke atas umat demikian juga mengajar al-Quran, ia adalah sebaik-baik ibadah kepada Allah.

Ada di kalangan ulama' yang mengutamakan dan melebihkan mengajar dan belajar al-Quran itu daripada berjihad di jalan Allah. Al-Thauri pernah ditanya tentang hal ini maka beliau telah memilih mengajar dan belajar al-Quran itu lebih baik dari berjihad dengan berdasar hadith tadi.

Mengajar al-Quran adalah satu daripada cara berdakwah ke jalan Allah, malahan ia dianggap diantara cara dakwah yang paling mulia dan paling penting. Ibnu Hajar berkata(Ibnu Hajar:9,76):

*Berdakwah kepada Allah itu berlaku dengan berbagai cara, antaranya mengajar al-Quran. Ia dianggap di antara cara dakwah yang paling mulia.*

Dari apa yang dibincangkan, ternyata bagi kita bahawa orang yang mengajar dan bekerja untuk al-Quran adalah orang pilihan di kalangan orang yang dipilih oleh Allah. Firman Allah:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Al-Quran. Ali Imran 3:110

Ertinya :

*Kamu (wahai Umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat dilahirkan bagi umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala yang baik dan melarang dari segala yang dilarang, serta beriman kepada Allah.*

Manakala Rasulullah s.a.w. ditanya mengenai yang terbaik di kalangan manusia, baginda bersabda:

خير الناس أقرؤهم وأتقاهم لله

(تفسير ابن كثير ج ٢ ص ٧٧، ومسند الإمام أحمد ج ٦ ص ٤٢٢).

Maksudnya:

*Sebaik-baik manusia adalah orang yang paling baik membaca al-Quran dan paling bertakwa kepada Allah.*

Imam Bukhari telah menjadikan satu bab dalam kitab sahihnya yang dinamakan bab: “sebaik-baik kamu ialah orang yang belajar dan mengajar al-Quran”. Ia menegaskan kelebihan mengajar, belajar, membaca dan menyebarkan al-Quran di kalangan masyarakat.

Umat Islam terdahulu seperti para sahabat, Tabi'in, pengikut' Tabi'in selalu berhimpun belajar dan mengajar al-Quran untuk memperbaiki hati mereka dan menyucikan jiwa mereka. Mereka melakukan demikian untuk mencapai apa yang dijanjikan oleh Allah kepada ahli Quran di mana Allah mengangkat martabat mereka kerana mereka dianggap sebagai orang-orang yang istimewa di sisi Allah. Orang yang mengajar al-

Quran dikira menjalankan satu tugas yang besar dan mulia dengan memelihara agama kerana ia mengajar satu asas yang mana agama terletak di atasnya. Pengajaran dan pelaksanaan al-Quran berlaku secara berterusan dalam masyarakat dari satu generasi ke satu generasi, menghidupkan satu tugas Nabi s.a.w. yang besar iaitu mengajar dan mendidik umatnya dengan al-Quran.

Tidak syak lagi tugas mengajar al-Quran ini adalah salah satu tanggung jawab umatnya yang perlu ditunaikan dan sebagai menyahut seruan Nabi sebagaimana sabdanya:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً .

Yang bermaksud:

*Sampaikanlah apa-apa dariku walaupun hanya satu ayat(diriwayatkan oleh Bukhari)*

Adapun bagi orang yang sebaliknya iaitu menyembunyikan al-Quran, tidak mengajar, tidak menyebarkan dan tidak menerangkan hukum-hukum al-Quran kepada umat, Allah janjikan orang sebegini dengan menjauhkannya dari rahmat Allah sebagaimana firmanNya:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْهُدَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا بَيَّنَّاهُ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ  
أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللَّاعِنُونَ، إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَبَيَّنَّاهُ فَأُولَٰئِكَ أَتُوبُ  
عَلَيْهِمْ وَأَنَا التَّوَّابُ الرَّحِيمُ .

Al-Quran. al-Baqarah 2:159

Ertinya :

*Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyi apa yang Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk selepas Kami terangkannya kepada manusia di dalam Kitab, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh semua makhluk. Kecuali orang-orang yang bertaubat dan memperbaiki(perangai buruk mereka) dan*

*menerangkan (apa yang mereka sembunyikan) maka orang-orang itu aku terima taubat mereka dan akulah yang amat menerima taubat.*

Allah Taala telah mengikat janji kepada setiap umat yang diturunkan Kitab ke atas mereka supaya mereka belajar dan mengajar Kitab tersebut dan tidak menyembunyikannya sebagaimana firmanNya::

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ

Al-Quran. Ali Imran 3:187

Ertinya :

*Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia daripada orang-orang yang telah diberikan kitab (iaitu): Demi sesungguhnya hendaklah kamu menerangkan isi kitab itu kepada manusia dan janganlah kamu menyembunyikannya.*

Umat Nabi Muhammad adalah sebaik-baik umat dan Kitab yang diturunkan kepadanya adalah sebaik-baik Kitab, maka kewajiban mengajar dan menyebarkannya adalah lebih besar lagi demi untuk kebahagiaan dunia dan akhirat. Firman Allah Taala:

قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ وَيُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Al-Quran. al-Maidah 5:16

Ertinya:

*Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (nabi Muhammad) dari Allah dan sebuah kitab (al-Quran) yang jelas nyata keterangannya. Dengan al-Quran itu Allah menunjukkan jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keridhaan dan dengannya Tuhan keluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya yang terang benderang dengan izinnya dan Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang betul.*

Dalam menafsirkan ayat ini Ibnu Kathir berkata yang dimaksudkan dengan ( سُبُلَ السَّلَامِ ) iaitu jalan-jalan yang selamat dan sejahtera dari kebinasaan, memalingkan

mereka dari perkara yang dilarang, menjauhkan mereka dari kesesatan dan menunjukkan mereka jalan yang paling lurus. (Ibnu Kathir: j.3, 63)

Mengajar al-Quran ini bukan hanya memberi manfaat ganjaran dan pahala semasa hayat sahaja bahkan setelah meninggal duniapun ganjaran dan pahala akan berterusan. Ini menunjukkan bahawa tugas ini adalah satu amalan yang paling mulia yang menjadi aset kepada manusia di Hari Kiamat kelak.

Ibnu Jamaah berkata: (Ibnu Jamaah:63)

*Ketahuilah bahawa murid yang saleh yang mengembalikan kebaikan dunia dan akhirat kepada gurunya adalah orang yang paling mulia dan keluarga yang terdekat kepada guru. Kerana itulah ulama'-ulama' silam memancing murid yang boleh membawa manfaat kepada manusia dalam kehidupan mereka walau hanya memiliki seorang sahaja yang manusia mengambil manfaat dengan ilmu, petunjuk dan ajarannya, Ini cukup di sisi Allah Taala untuk mengurniakan pahalanya.*

Beberapa Hadith Rasulullah s.a.w. yang menceritakan tentang kelebihan belajar dan mengajar al-Quran. Sabda Rasulullah:

«تَعَلَّمُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ صَاحِبَهُ فِي صُورَةِ شَابٍ جَمِيلٍ شَاحِبِ اللَّوْنِ فَيَقُولُ لَهُ : أَنَا الْقُرْآنُ الَّذِي كُنْتَ أَسْهَرْتَ لَيْلَكَ ، وَأَظْمَأْتَ هَوَاجِرَكَ ، وَأَجْفَفْتَ رَيْقَكَ وَأَسْبَلْتَ دَمْعَكَ فَابْشُرْ ، فَيُؤْتِي بَتَاجٍ فَيُوضَعُ عَلَى رَأْسِهِ وَيُعْطَى الْأَمَانَ بِيَمِينِهِ ، وَالْخُلْدَ فِي الْجَنَانِ بِيَسَارِهِ ، وَيَكْسَى حُلَّتَيْنِ ، ثُمَّ يُقَالُ لَهُ : اقْرَأْ وَارْقُ ، فَكَلِمًا قَرَأَ آيَةً صَعِدَ دَرَجَةً وَيَكْسَى أَبْوَاهَ حُلَّتَيْنِ إِنْ كَانَ مُؤْمِنِينَ ثُمَّ يُقَالُ لَهُمَا : هَذَا لِمَا عَلَّمْتُمَا الْقُرْآنَ».

Maksudnya:

*Belajarlah al-Quran, sesungguhnya akan datang al-Quran pada hari kiamat dalam rupa seorang pemuda yang cantik lalu berkata: Akulah al-Quran yang menyebabkan kamu berjaga malam, merasa dahaga, kering air liur .lalu ia diberi sebuah mahkota dan diletakkan di atas kepalanya dan diberi keamanan di kanannya dan kekal syurga di kirinya dan diberi pakai pakaian... ..*

Sabda Rasulullah s.a.w :

القرآن مُأدبة الله فتعلموا من مُأدبة الله ما استطعتم ، إنه النور المبين ، والشفاء النافع ، تعلموه فإن الله يشرفكم بتعلمه .

Maksudnya:

*Al-Quran adalah hidangan Allah, maka belajarlah dari hidangan Allah menurut kemampuan kamu. Sesungguhnya al-Quran itu cahaya yang terang, penawar yang memberi manfaat. Maka belajarlah al-Quran, sesungguhnya Allah memuliakan kamu dengan mempelajarinya.*

Sabda Rasulullah s.a.w :

«ما من مؤمن ذكرأ أو أنثى ، حرأ أو مملوكأ ، إلا والله عليه حق واجب أن يتعلم من القرآن.»

Maksudnya:

*Sesiapa saja di kalangan orang Islam tidak kira lelaki atau perempuan, merdeka atau hamba melainkan Allah mewajibkannya belajar al-Quran.*

Sabda Rasulullah:

مَنْ عَلَّمَ آيَةَ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى كَانَ لَهُ أَجْرُهَا مَا تُلِيَتْ

Maksudnya:

*Barangsiapa mengajar satu ayat dari kitab Allah, adalah baginya pahala apa yang dibaca.*

Dalam ayat yang lain Allah berfirman:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

Al-Quran. al-Isra' 17:9

Ertinya:

*Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul dan memberi berita yang menggembirakan kepada orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal solehbahawa mereka itu beroleh pahala yang besar.*

Oleh sebab al-Quran itu sendiri mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu berbanding dengan kitab-kitab lain, maka membaca al-Quran, belajar dan mengajarnya serta mengulang-ulangkannya juga mempunyai kelebihan yang besar dan mendapat ganjaran pahala berlipat ganda daripada Allah, iaitu tuan empunya kalam yang mulia ini. (Mohd Yusuf Ahmad, 2000:m.s.155)

Bagi para pendidik dan khasnya guru al-Quran, mereka haruslah menyelami segala kelebihan al-Quran kemudian menyampaikan kepada para murid dari semasa ke semasa dengan tujuan untuk menyuburkan minda, cintakan al-Quran serta suka untuk mendengar, membaca dan mempelajari al-Quran.

Dalam tajuk ini akan dibawa beberapa ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w sebagai dalil dan bahan berfikir serta perangsang kepada guru dan penuntut al-Quran. Semoga dengan ini kefahaman guru akan menjadi lebih mantap dan penyampaian kepada murid akan lebih berkesan. Firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ لِيُوفِّيَهُمْ أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ

Al-Quran. al-Fatir 35:29-30

Ertinya:

*Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan solat serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terang, (mereka dengan amalan sedemikian) mengharapkan satu perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian. Supaya Allah menyempurnakan*

*pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniannya. Sesungguhnya tuhan amat pengampun lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya.*

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Aishah Radhiyallahu ‘Anha, katanya bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

الذي يقرأ القرآن وهو ماهر به مع السفرة الكرام البررة و الذي يقرأ القرآن وهو يتتبع فيه وهو عليه شاق له أجران .

Maksudnya:

*Orang yang membaca al-Quran dan mahir dengannya, ia bersama golongan para malaikat. Dan sesiapa yang membaca al-Quran dan menghadapi kesukaran dalam membacanya, baginya dua ganjaran( Hadith diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim)*

Allah sangat kasih kepada orang yang membaca kitabNya, dengan sebab itu Dia memberi ganjaran yang banyak kepada mereka, khasnya yang membaca al-Quran dengan bacaan yang baik dan penuh khusyuk dan ikhlas.( Mohd Yusuf Ahmad, 2000:156)

Abdullah bin Mas’ud meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

من قرأ حرفاً من كتاب الله تعالى فله حسنة و الحسنة بعشر أمثالها لا أقول الم حرف ، ولكن ألف حرف ولام حرف وميم حرف

Maksudnya:

*Sesiapa yang membaca satu huruf dari Kitab Allah, baginya satu ‘hasanah’. Satu hasanah itu mempunyai sepuluh pahala. Aku tidak kata ( الم ) itu satu huruf, tapi ‘alif’ satu huruf, ‘lam’ satu huruf, dan ‘mim’ satu huruf.(diriwayatkan oleh al-Tarmizi)*

Oleh kerana banyak pahala yang Allah berikan kepada orang yang membaca al-Quran, maka pada hari kiamat kelak al-Quran itu nanti akan meminta syafaat kepada Allah Taala supaya menolong dan mengampunkan dosa orang yang membaca al-Quran.

Abu Umamah al-Bahili r.a. meriwayatkan dengan katanya: “ Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda”:

اقرأوا القرآن فإنه يأتي يوم القيامة شفيعاً لأصحابه .

Maksudnya:

*Bacalah kamu akan al-Quran. Sesungguhnya ia akan datang pada Hari Kiamat menjadi syafaat kepada tuannya. (diriwayatkan oleh Muslim)*

Al-Quran kalam Allah yang qadim ini, selain daripada mendapat pahala ibadat kepada pembacanya, ia juga memberi ketenangan dan menjadi penawar serta rahmat kepada kita. (Mohd Yusuf Ahmad, 2000:157) Firman Allah:

وَنَزَّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Al-Quran. al-Isra' 17:82

Ertinya:

*Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran, ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya. Dan al-Quran itu tidak menambahkan orang-orang yang zalim melainkan kerugian jua.*

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

ما اجتمع قوم في بيت من بيوت الله تعالى يتلون كتاب الله و يتدارسونه بينهم إلا نزلت عليهم السكينة و غشيتهم الرحمة و ذكرهم الله في من عنده .

Maksudnya:

*Tidak berhimpunnya satu-satu kaum itu di rumah-rumah Allah membaca ayat-ayat al-Quran dan mempelajarinya melainkan turun ke atasnya ketenangan, diselaputi rahmat Allah dan Allah sentiasa menyebut mereka.*

Berdasarkan kepada hadis ini tidak sia-sialah orang yang hadir dalam majlis-majlis al-Quran, sama ada dia membaca ataupun tidak kerana rahmat Allah tetap di

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim
- Tafsir Pimpinan Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Cetakan ke-10.1990. Kuala Lumpur: Bahagian Hal-Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abd al-Mu'ti Muhammad Tulaimat. *al-Halaqat al-Quranyah*. Arab Saudi.
- Abdullah al-Qari bin Hj Salleh.. 1983. *Kursus Qari dan Qariah*. Kota Bharu:-Pustaka Aman Press.
- Abdullah b. Abdul Kadir Munshi. 1970. *The Hikayat Abdullah*. A.H.Hill (terjemahan), Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press.
- Al-Attas. 1972. *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur.
- Al-Musabaqah al-Rabi'ah li Hifz al-Quranil Karim wa Tilawatuhu li' Am 1416h, F'ad al-Hars al-Wathoni.
- Al-Nabahan – Al-Qahirah, 1965
- Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Malaysia. 1994. "*Ke arah Pembentukan Jenerasi Al-Quran Dalam Merealisasi Cita-cita Wawasan 2020 Di Malaysia*". (Kertas kerja). Seminar Kaedah Membaca al-Quran Yang Mudah, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam. 22-25 Julai.
- Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Model Pengajaran Kaedah*. Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Collins, Raymond C. and others. 1994. *Kaleidoscope: profile of an art based early childhood programs*. Final report and evaluation study and technical appendix. Virginia, U.S.A: Collins management consulting. Inc. Vienna.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1998. *Kod Braile Wasilah Bacaan Al-Quran*.
- Dr. Ali bin Ibrahim al-Zahrani. 1999. *Maharat al-Ta'lim fi al-Halaqat al-Quranyah*.. Arab Saudi.
- Driscoll, Amy & others. 1990. "*Teacher in early childhood education: what information can young children provide?*". Child Study Journal. V.20, No.2.
- Farquhar, Sarah-Eve. 1991. *Parents as discerning consumers at three types of early childhood centers*. NewZealand.

- Flandach, Nancy. 1989. *Improving communication with parents of kindergarten children concerning curriculum and school activities*. U.S.A, Florida.
- Hj Mohd Yusof Hj Zuhri. 1994. "Pengajaran dan Pembelajaran Membaca Al-Quran: Pengalaman Singapura". (Kertas kerja). Seminar Kaedah Membaca al-Quran yang mudah, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam. 22-25 Julai.
- Hall, D.G.E. 1972. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: DBP.
- Jamaluddin Ridwan.- 1997. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. -Prospecta Printers Sdn Bhd.
- Khurram Murad. 1994. *Jalan Menuju Al-Quran*. Zanariah Yahya (terjemahan). Penerbit A.S Noordeen,
- Labib al-Said. Al-Jam' u al-Awwal li al-Quran aw al-Mushaf al-Murattal (Ardh wa Dirasat li Bawa'ith al-Masyru' wa Mukhattatatihi.. Cairo. Darul Ma'arif.
- Muhammad Mohsein Syeikh Ahmad. 1994. *Al-Quran Dan Cara-cara Menghafaz*. Malindo Printers Sdn Bhd,
- Mohd Yusof Ahmad. 2000. *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mahadzir Mohd Noor. *Sistem pengajian Al-Quran Di Negeri Kedah*. ( tesis ) Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam. UKM. 1982/83
- Muhammad Mukri Hj Abdullah. "Kaedah Pengajaran Mengajar al-Quran Yang Berkesan". Kaedah Atiyyah Qabil Nasr- Ghayat al-Murid Fi Ilm al-Tajwid.
- Mohd Mukri Hj Abdullah. 1994. *Kaedah Iqra' Dalam asuhan Tilawah al-Quran*. (Kertas taklimat kepada pegawai agama Brunei Darul Salam). 20/7/94. Bilik Mesyuarat bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Muhammad Sharif Bashir. 2002. Istithmar al-Bashar Fi Malizia. <http://islam-online.net/arabic/economics/2002/05/article11.html>.
- Muzakkirat tadaris al-Quranul Karim ahdafuhu waturuquhu l' dad al-Qism an-nasawi bil jam'iyat al-khairiyah lithafiz al-Qurannul karim bitta'if.
- Muhammad Masruh Ahmad. "Kursus Kaedah Cepat Membaca al Quran -Qiraati". (Kertas kerja). Seminar anjuran Bersama Yadim dan Pusat Pendidikan Hasanah.
- Nahw Ada' Mutamayyiz Li Halaqat Tahfiz al-Quran al-Karim, Tahzib al-Kitab : Al-Katatib wa al-Madaris al-Quraniyah, Arab Saudi.

- Nasyrah (irsyaadat li qari'un al-Quran I'dad al-Syeikh Mahmud bin Umar Sakar ) Ustaz al-Quran wa al-Qiraati bi Ma'had al-Quran wa Ulumihi bi al-Jam'iyat al-Khairiah li Tahfiizi al-Quran al-Karim bi Mantaqah al-Riyadh.
- Neiner, Christine M. & others. 1995. *Medina country Kindergarten home activities*. Revised Edition, Medina Country school District, U.S.A., Ohio.
- Nik Jaafar bin Nik Ismail. 1995. *Risalah Panduan Tartil al-Quran Untuk Murid Belajar Mutalaah Dan Latihan Persendirian*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- R.A.Kern – The Origin Of Malay Surrau, JMBRAS, vol.xxix, pt.1, 1956.
- Renand, Lise Guissa, Samy. 1989. "Evaluation of efficiency of simulation games in traffic safety, Education of kindergarten children". American Journal of public Health, V.79, N.3,
- Rouf, M.A. 1967. *Iktisar Sejarah Islam*. Rustau A.Sani (terjemahan). Kuala Lumpur.
- Salah Abd Fattah al-Khalidi- Lata'if Quraniah- al-Dar al-Syamiyyah, Beirut, Dar al-Qalam, Damsyiq, c.2
- Usep Fathudin. 1994. "Metode Belajar Membaca Al-Quran Secara Cepat Di Indonesia". (Kertas kerja). Seminar Kaedah Membaca al-Quran Yang Mudah, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam. 22-25 Julai.

# Lampiran 6

Gambar-gambar semasa lawatan  
lapangan di sekolah



